

Mun Yee pamer aksi cemerlang

HAMPIR dua tahun tidak beraksi dalam acara terjun 1 meter papan anjal individu wanita bukan penghalang buat Leong Mun Yee apabila membuktikan kehebatannya selaku penerjun senior dengan menewaskan rakan senegara, Cheong Jun Hoong untuk memenangi pingat emas acara itu, semalam.

Bagi rakan seandingan Pandelega Rinong dalam acara 10m platform seirama di Olimpik London itu, kejayaan menewaskan Jun Hoong, 22, dianggap mengejutkan.

"Saya tidak sangka mampu meraih gelaran juara acara ini kerana ini acara Jun Hoong sedangkan saya platform seirama. Malah Jun Hoong pilihan utama dalam acara ini jika dibandingkan dengan saya.

"Memang dari awal saya agak ketinggalan tapi berjaya bangkit di terjunan terakhir untuk menewaskan Jun Hoong.

"Apapun, saya dan Jun Hoong puas hati dapat melakukan terjunan terbaik bagi menduduki tangga pertama serta kedua untuk Malaysia di AUG sulung kami.

"Kejayaan meraih pingat emas di AUG pertama dan terakhir ini sememangnya pengamalan berharga kerana sempat menghadaiahkan kemenangan buat universiti," kata Mun Yee yang bakal menamatkan pengajiannya di Universiti Putra Malaysia (UPM) dua tahun lagi.

Acara di Pusat Akuatik, Kompleks Sukan Nasional Vientiane menyaksikan Mun Yee mencatat 290.50 mata, mengatasi Jun Hoong, 286.60 manakala wakil Indonesia, Sari Ambarwati Suprihatin, 247.40, ketiga.

Bagaimanapun ketika ditanya sama ada dia akan meneruskan terjunan dalam acara 1m papan anjal, Mun Yee lantas menjawab: "Tidak. Ini bukan acara saya, 10m platform seirama tetap menjadi pilihan."

Mun Yee tidak dapat beraksi di AUG akan datang disebabkan faktor umur kerana hanya peserta di bawah umur 28 tahun dibenarkan bertanding.

Hari ini, Mun Yee sekali lagi beraksi dalam acara 10m platform individu bersama Bryan Nickson Lomas, 1m papan anjal individu lelaki.